

AeU pilihan terbaik sambung pengajian

» *Sistem pengajian teratur memudahkan pelajar*

Oleh Siti Nurazlinee Azmi
sitinurazlinee@bh.com.my

Proses pembelajaran menjadi lebih mudah sekiranya jadual belajar boleh disusun sendiri mengikut kesesuaian waktu terutama bagi pelajar yang sedang bekerja dan berada jauh daripada institusi yang dipilih untuk menjadi landasan mereka dalam menyambung pengajian.


Di Asia e University (AeU), segalanya tidak menjadi mustahil kerana AeU adalah universiti terbaik dalam menawarkan Pendidikan Terbuka Jarak Jauh (ODL) di Malaysia malah sehingga hari ini AeU merekodkan seramai lebih 21,000 pelajar berdaftar di 65 negara seluruh dunia dan 9,000 sudah pun bergelar graduan.

Sambung PhD

Bagi graduan Doktor Falsafah (PhD) Pentadbiran Perniagaan dari Asia e University (AeU), Dr Muhammad Nusran R Tugilan, berkata dengan memilih AeU University sebagai tempat untuk beliau menyambung pengajian pada peringkat PhD adalah pilihan terbaik.

Dr Nusran ketika ditemui di kampus AeU di sini, memberitahu kaedah pembelajaran di AeU memudahkan pelajar dewasa sepertinya untuk menyambung pengajian pada peringkat lebih tinggi seperti Sarjana (Master) atau PhD.

Beliau yang juga pensyarah di Fakulti Teknologi Industri, Universitas Muslim Indonesia turut menerima PhD pada Majlis Konvokesyen ke-5 AeU Ahad lalu, selepas berjaya menyiapkan kajian ilmiahnya dalam industri Halal yang kini menjadi ikutan bukan sahaja kepada masyarakat beragama Islam, tetapi di seluruh dunia.



“Walaupun jauh, saya boleh melakukan perbincangan bersama penyelia untuk menyiapkan tugas ilmiah yang diberi menerusi video konferensi dan juga aplikasi seperti Skype”

Dr Muhammad Nusran R Tugilan,
Graduan PhD Pentadbiran
Perniagaan AeU

Dr Nusran yang berasal dari Makassar, Selatan Sulawesi, Indonesia, berkata kekangan waktu dan jarak antara Malaysia dan negara asalnya menjadi lebih dekat kerana AeU bukan saja menyediakan sistem pengajian teratur, tetapi memudahkan hubungan antara pelajar dan penyelia berjalan lebih lancar.

Teknologi komunikasi

“Walaupun jauh, saya boleh melakukan perbincangan bersama penyelia untuk menyiapkan tugas ilmiah yang diberi menerusi video konferensi dan juga aplikasi seperti Skype. Teknologi komunikasi membuatkan saya dekat dengan penyelia dan memudahkan saya untuk melakukan kajian dalam penyelidikan ilmiah.

“Kemudahan lain disediakan AeU seperti perpustakaan dan sistem pentadbiran atas talian di mana ia memudahkan saya mendaftar dan mengetahui keputusan termasuk skor kajian dalam tempoh ditetapkan,” katanya.